




MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG

JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN,
KESIHATAN AWAM & PELESENAN

BAHAGIAN KESIHATAN AWAM



Bahagian Pentadbiran

- Melayan pertanyaan dan memberi nasihat berkaitan kesihatan awam kepada orang ramai.
- Menerima aduan tentang kesihatan awam daripada orang awam melalui telefon atau surat rasmi.
- Merujuk aduan-aduan yang diterima kepada pegawai yang berkaitan untuk membuat penyiasatan.



Bahagian Kawalan Vektor & Penyakit Berjangkit

- Mengenalpasti masalah, keadaan, corak dan punca-punca jangkitan penyakit berjangkit dan mengambil langkah-langkah pencegahan dan kawalan yang berkaitan.
- Mengurangkan vektor penyakit dan makhluk perosak seperti nyamuk, tikus, lalat dan gagak melalui program-program pencegahan.
- Menyelaraskan kegiatan-kegiatan berhubung dengan wabak penyakit berjangkit dan kejadian-kejadian yang memudaratkan kesihatan awam serta bekerjasama dengan agensi-agensi lain yang berkaitan.
- Memberi perkhidmatan kepada orang ramai dalam menangani masalah-masalah kesihatan awam melalui pendidikan kesihatan, khidmat nasihat, siasatan terhadap aduan mengenai kacau ganggu awam dan menguruskan permintaan daripada individu dan orang ramai.

Bahagian Veterinar

- Memberi perkhidmatan untuk penyembelihan lembu/kerbau, kambing/bebiri dan khinzir.
- Memastikan hanya daging yang bermutu sahaja diluluskan untuk pemakanan orang ramai.
- Berusaha untuk memberkas serta membanteras penyembelihan haram.



Bahagian Pendidikan Kesihatan Awam

- Memberi ceramah kesihatan awam.
- Menyebar risalah/poster kesihatan awam.
- Menganjur pameran kesihatan awam.
- Membantu mana-mana Bahagian Kesihatan menjalankan kempen kesihatan khususnya semasa berlaku wabak.

Bahagian Kawalan Mutu Makanan & Kesihatan Sekolah

- Berusaha mencegah jualan makanan yang melanggar peraturan-peraturan makanan.
- Berusaha meningkatkan taraf kesihatan sekolah dan memastikan penuntut dan kakitangan sekolah tidak terdedah kepada keadaan, suasana atau pengaruh yang memudaratkan kesihatan.
- Bekerjasama dengan agensi tertentu untuk memastikan bekalan air minum mematuhi piawaian mutu.



Bahagian Perubatan

- Memberi perkhidmatan perubatan kepada kakitangan Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang.
- Membuat rujukan ke hospital untuk rawatan lanjutan apabila perlu.



Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Bahagian Kesihatan Awam

Tel: 04-2592189 / 2592291

Rumah Sembelih Majlis

Tel: 04-2810850

Stor Vektor

Tel: 04-2276940